

**Abdullah dianugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kesihatan Persekitaran
Utusan Online
Februari 25, 2012**

KEPALA BATAS 24 Feb. - Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi hari ini dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kesihatan Persekitaran oleh Allianze University College of Medical Sciences (AUCMS) di sini.

Anugerah sempena Konvokesyen Khas AUCMS itu disampaikan oleh Canselor AUCMS yang juga Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah di Dewan Budi Penyayang di sini.

Hadir sama ialah Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Presiden AUCMS, Prof. Datuk Dr. Zainuddin Md. Wazir.

Anugerah tersebut diberikan sebagai pengiktirafan dan sumbangan Abdullah dalam bidang pendidikan semasa menjadi Perdana Menteri.

"Ini satu anugerah yang amat bererti kerana AUCMS didirikan di sini," kata Abdullah pada sidang akhbar pada majlis tersebut di sini hari ini.

Selain itu, anugerah Ijazah Kehormat Profesor Emeritus pula diberikan kepada Prof. P. Balasubramaniam kerana sumbangannya dalam bidang ortopedik.

Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kejuruteraan Bio-Perubatan diberikan kepada usahawan, Chuah Choon Bin kerana sumbangannya dalam bidang inovasi dan penciptaan peralatan perubatan dan penggunaan teknologi terkini.

Selain itu, 10 orang dianugerahkan Profesor dan Profesor Madya di AUCMS.

Sementara itu, Dr. Zainuddin berkata, AUCMS akan membuka cawangan baru di Kangar, Taiping, Kulim dan Pulau Pinang dalam tempoh terdekat.

AUCMS ditubuhkan 10 tahun lalu dengan menawarkan lima program ijazah perubatan, 10 program diploma, satu program pra perubatan dan sijil.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0225&pub=Utusan_Malaysia&sec=Kampus&pg=ka_01.htm